

Pesilat Indonesia kuasai kejuaraan

-9 DEC 1987

KUALA LUMPUR — Indonesia sekali lagi muncul sebagai juara silat olahraga dan juara keseluruhan Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4, di sini semalam, setelah mengumpulkan 35 mata, yang sekaligus memenangi dua piala — Piala Presiden dan Piala Hang Tuah.

Pasukan itu memungut 10 pingat emas daripada 12 pesilatnya yang bertanding dalam perlawanan akhir.

Malaysia menduduki tempat kedua dengan 23 mata melalui tiga pingat emas. Ia juga mendapat pingat emas dalam acara individu terbuka Kelas G menerusi Mazlan Shaari.

Tempat ketiga diduduki oleh Brunei yang berjaya memungut 11 mata.

Piala Presiden ialah untuk pemenang bahagian silat olahraga, manakala Piala Hang Tuah — kali pertama diperkenalkan — adalah bagi juara keseluruhan.

Pesilat Malaysia B, Wan Aminuddin Bakar, yang memenangi pingat emas ketiga negara dalam perlawanan terakhir dengan menewaskan Jarkoni

dari Indonesia 3-2 dalam Kelas G juga diumumkan sebagai pesilat terbaik kejuaraan, manakala pesilat Sepanyol, Koldouz Mendi dipilih sebagai pesilat harapan.

Kelmarin, Malaysia B muncul sebagai juara dalam bahagian silat seni dan mengondol Piala Pendekar.

Keputusan penuh:

Lelaki Kelas A (40-45 kg) — Junaidi (Indonesia) mn Mohamad Rafie (Malaysia B) 3-2. Kelas B (45-50 kg) — Ahmad Wardi Salim (Malaysia B) mn Faudilah Ahani (Brunei) 4-1. Kelas C (50-55 kg) — Faizal Mahyuddin (Indonesia) mn Khalid Awad (Singapura) 5-0. Kelas D (55-60 kg): Dhani Wisnu (Indonesia) mn Azman Amat (Singapura) 3-2.

Kelas E (60-65 kg) — Richie (Indonesia) mn Abdul Razak Ismail (Malaysia B) 4-1. Kelas F (65-70 kg) — Ahmad Fauzi Othman (Malaysia B) mn Koldouz Mendi (Sepanyol) 3-2. Kelas G (70-75 kg) — Wan Aminuddin Bakar (Malaysia B) mn Jarkoni (Indonesia) 3-2. Kelas H (75-80 kg) — Nayan Mudra (Indone-

sia) mn Andoni Cabanillas (Sepanyol) 4-1. Kelas I (80-85 kg) — Copini (Belanda) mn Sarmo (Indonesia) 3-2. Kelas Berat Bebas (65 kg ke atas) — Alberto Cerro (Sepanyol) mn Mohd Rushidi Abdullah (Brunei) 4-1.

Terbuka Kelas D (55-60 kg) — Sultan Usta (Turkey) mn Andre Mewis (Jerman Barat) 5-0. Terbuka Kelas F (65-70 kg) — Poelstra (Belanda) mn Adam Gecik (Turkey) 5-0. Terbuka Kelas G (70-75 kg) — Mazlan Shaari (Malaysia B) mn Andela (Belanda) 5-0. Terbuka Kelas I (80-85 kg) — Swart (Belanda) mn David (Belanda) 4-1.

Wanita Kelas A (40-45 kg) — Rina Widayawati (Indonesia) mn Normala Yaakob (Malaysia A) 4-1. Kelas B (45-50 kg) — Tri Wahyuni (Indonesia) mn Masliza Abu Bakar (Malaysia B) 5-0. Kelas C (50-55 kg) — Nuryani (Indonesia) mn Milhealia Bryant (Brunei) 4-1. Kelas D (55-60 kg) — Dewi Yanti (Indonesia) mn Barbara Barnes (Amerika Syarikat) 5-0. Kelas E (60-65 kg) — Ni Made Suahyumi (Indonesia) mn Heike Dietcich (Jerman Barat) 5-0. — Bernama.